



PERDANA LIBRARY
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
NEWSPAPER CLIPPING

Newspaper	Berita Harian
Date	15/9/2011

'Pembangkok usah campur tangan tarikh pilihan raya'

PUTRAJAYA: Penetapan tarikh pilihan raya adalah hak mutlak kerajaan yang memerintah dan pihak pembangkang ditegur jangan terlalu ghairah cuba campur tangan dalam isu itu, tetapi sebaliknya dicabar supaya membentuk kerajaan terlebih dulu jika mahu menentukan tarikh pilihan raya.

Bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad, berkata pihak pembangkang sendiri sudah tentu tidak mahu berunding dengan Barisan Nasional (BN) bagi menen-

tukan tarikh pilihan raya sekiranya mereka berjaya menguasai kerajaan pada masa depan.

"Di mana-mana negara pun macam itu, pembubaran Parlimen adalah hak mutlak kerajaan memerintah. Tidak ada di dunia yang mana kerajaan yang memerintah berbincang dengan pembangkang mengenai tarikh yang sesuai bagi mengadakan pilihan raya umum.

"Jika dia (pembangkang) nak memperkenalkan konsep seperti ini, biarlah mereka kuasai kerajaan terlebih dulu. Sekiranya ini ber-

laku, saya nak tengok sama ada mereka nak berbincang dengan BN bagi menetapkan tarikh pilihan raya umum seterusnya.

"Lazimnya, Perdana Menteri, mengikut kesesuaian dan budi bicara beliau, akan mendapatkan perkenan Yang di-Pertuan Agong untuk membubarkan Parlimen bagi membolehkan pilihan raya umum diadakan," katanya kepada pemberita pada majlis penyerahan kereta hibrid Proton Holdings Berhad (PROTON) kepada kerajaan di sini, semalam.

Ditanya mengenai bila pilihan raya umum akan diadakan, Dr Mahathir, yang juga penasihat PROTON, berkata: "Mana saya tahu. Saya kenal Najib, tetapi tak boleh baca isi hati dia."

Dalam perkembangan lain, mengenai penubuhan Jawatankuasa Terpilih Parlimen (PSC), beliau berkata, itu adalah cadangan yang baik dan beliau yakin kerajaan akan menerima pakai cadangan yang sesuai walaupun mungkin wujud perbezaan pendapat dalam isu tertentu.